

METODOLOGI KITAB *AL-ISRĀ'ĪLIYYAT WA AL-MAUDHŪ'ĀT FĪ KUTUB AL-TAFSIR* KARYA SHEIKH ABU SYAHBAH: SATU ANALISIS

Zahidah Zainal Abidin & Ahmad Yunus Mohd Noor

Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi

Diterima tanggal 04 April 2017 / Disetujui tanggal 13 Juli 2017

Abstract

Kitab al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'āt fi Kutub al-Tafsīr is the great work of Sheikh Abu Shabbah which tells the stories of Israiliyyat that exist in the Qur'an and Hadith. This book is considered as an important effort to know the elements of dakhil in the commentaries. This book has been raised as the main and best reference in the discussion of Israiliyyat in the Fakulti Pengajian Islam, Universiti al-Azhar. This study analyzes the methodology used by Sheikh Abu Shabbah in this book. It also briefly discusses the background of Abu Shabbah as a respected muhaddith. This study is a qualitative one and focuses to analyze Abu Shabbah's work, *al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'āt fi Kutub al-Tafsīr*. The results of this study do have the features and strengths that are mutually studied and utilized. The form of argumentation in this work encompasses the Qur'an, the hadith of muktabar, the ijtihad of the scholars' salaf, his views, and some of the latest scientific theories of natural phenomena related to Israiliyyat.

Kata Kunci: Metodologi, Israiliyyat, hadith palsu, tafsir.

Pendahuluan

Israiliyyat ialah pengetahuan yang bersumber dari Yahudi dan Nasrani. Ianya telah memenuhi sebahagian besar kitab tafsir, sejarah, kisah dan nasihat umat Islam. Sumber Israiliyyat ini bercampur antara sahih dan batil. Bahaya penyusupan ini telah pun dibincangkan oleh para ulama' salaf dari dahulu lagi. Pembahasan Israiliyyat pada zaman salaf didapati berserakan di dalam karya-karya mereka dan tidak dikumpulkan dan dihimpunkan menjadi satu pembahasan yang khusus. Diantaranya adalah pandangan Ibn Taimiyah¹ yang menyentuh berkaitan pembahagian Israiliyyat, Ibn Khaldun² yang menyentuh berkaitan sejarah penyusupan Israiliyyat dalam kitab-kitab Islam, Imam al-Suyuti³ yang mengkritik manhaj penafsiran, dan sebagainya. Pada zaman ini, pandangan dan ijtihad para ulama terdahulu berkaitan Israiliyyat telah dikumpulkan dan dihimpunkan di dalam kitab yang khusus membincangkan Israiliyyat.

¹ Ibn Taimiyah, *Syarh Muqaddimah fi Usul al-Tafsir li Ibn Taimiyah*, terj. Musa'ad bin Sulaiman bin Nasir al-Tayyar, cet. II (Riyadh: Dar Ibn Jauzi, 1438H), 153-155.

² Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, terj. Abdullah Muhammad Darwish, jil. 2 (Damsyik: Dar Yu'rab, 2004), 175.

³ Jalaluddin Abdul Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti, *al-Itqān fi' Ulūm al-Qurān*, terj. Markaz Dirasat al-Qur'aniyyah (Saudi: Wizarah Islamiyyah Wa Auqaf, tth), 2345.

Al-Azhar ialah sebuah institusi terawal cakna dalam pembahasan Israiliyat pada zaman ini. Hasil-hasil karya ulama' kontemporer dari institusi ini menjadi rujukan utama dalam perbahasan dan pengkajian Israiliyat. Terdapat tiga kitab utama yang terawal menghimpunkan perbahasan Israiliyat dari karya-karya ulama' mutaqaddimin. Ia itulah kitab *al-Isrā'īliyyat fī al-Tafsīr wa al-Hadīth* karya Sheikh Husayn al-Dhahabi⁴ yang dianggap sebagai pencetus dan perintis. Di bawah penyeliaan beliau, terhasil kitab *al-Isrā'īliyyat wa Athāruhā fī Kutub al-Tafsīr* karya Ramzi Na'na'ah.⁵ Seterusnya, kitab *al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'āt fī Kutub al-Tafsīr* karya Sheikh Abu Syahbah.⁶ Antara ketiga kitab ini, kitab *al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'āt fī Kutub al-Tafsīr* karya Sheikh Abu Syahbah dikatakan sebagai kitab yang paling terbaik dalam perbahasan Israiliyat.⁷

Kitab *al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'āt fī Kutub al-Tafsīr* karya Sheikh Abu Syahbah merupakan sebuah karya yang ditulis atas permintaan orang ramai serta gesaan dari gagasan *Majma' Buhūth al-Islamiyyah* (Pusat Penyelidikan al-Azhar). Kitab ini dicetak pada tahun 1971 dan menjadi salah satu rujukan utama dalam perbahasan Israiliyat. Kitab ini diangkat menjadi silibus bagi peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran di Universiti al-Azhar (Ibrahim Isa t.th). Kitab ini juga telah diterjemahkan oleh beberapa penterjemahan seperti Malaysia dan Indonesia.

Justeru, kajian ini berusaha mengkaji metodologi yang digunakan oleh Sheikh Abu Syahbah dalam karya ini. Adakah karya ini dipengaruhi karya-karya sebelumnya atau beliau mempunyai acuan penulisan tersendiri. Dan apakah keistimewaan dan kelebihan karya ini berbanding karya-karya sebelumnya.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk yang dipilih adalah kajian berbentuk analisis dokumen. Dokumen utama yang digunakan ialah kitab *al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'āt fī Kutub al-Tafsīr* karya Sheikh Abu Syahbah. Untuk menentukan sudut kekuatan dan kelebihan yang terkandung dalam karya ini, pengkaji akan melakukan sedikit perbandingan antara kitab ini dengan beberapa kitab pembahasan Israiliyat yang lain. Bagi pengumpulan data, keseluruhan kajian ini secara dasarnya bergantung kepada kajian kepustakaan. Data-data yang diambil berkaitan kajian daripada pelbagai bahan bacaan akan dikumpulkan. Setelah itu, data-data tersebut akan dianalisis secara deskriptif. Perbincangan hasil kajian akan dibahagikan kepada tiga bahagian yaitu; (a) ketokohan Sheikh Abu Syahbah; (b) pengenalan kitab *al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'āt fī Kutub al-Tafsīr*; (c) analisis metodologi kitab *al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'āt fī Kutub al-Tafsīr*.

Ketokohan Sheikh Abu Syahbah

Nama penuh beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Suwailim Abi Syahbah. Digelar dengan Abu Sadat. Seorang pakar Hadith dan ulum al-Quran daripada Mesir.

⁴ Husayn al-Dhahabi, *al-Isrā'īliyyāt fī al-Tafsīr wa al-Hadīth* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1968).

⁵ Ramzi Na'na'ah, *al-Isrā'īliyyāt wa Athāruhā fī Kutub al-Tafsīr* (Beirut: Dar Baida', 1970).

⁶ Abu Syahbah, *al-Isrā'īliyyāt wa Maudhū'āt fī Kutub al-Tafsīr* (Kaherah: Maktabah Sunnah Salafiah, 1971).

⁷Burhan Abidi, "al-Syeikh al-'Allamah al-Duktur Abu Sadat Muhammad Abu Syahbah Rahimahullah" dalam <http://www.islamsyria.com/portal/cvs/show/470>, diakses pada 8 Maret 2016.

Dilahirkan di kampung Manyah Junah, markaz Dasuq cawangan Kafr al-Syeikh berdekatan dengan Sungai Nil, Mesir pada 25 Syawal 1332H bersamaan 15 September 1914M. Beliau telah menghembuskan nafas terakhir pada 5 Syawal 1403H bersamaan 15 Julai 1983M pada umur beliau 79 tahun kesan dari pembedahan yang dijalankan keatasnya. Jenazahnya di solatkan di *Masjid Jami' al-Azhar* oleh ramai ulama' al-Azhar yang di imamkan oleh Sheikh Jad al-Haq Ali Jad al-Haq. Beliau dikafarkan di perkuburan keluarganya di Madinat Nasr, Kaherah.⁸

Beliau ialah seorang penuntut ilmu yang sentiasa bersungguh-sungguh dan tidak kenal erti lelah dalam belajar. Buktinya dapat dilihat pada kejayaan beliau dalam keberhasilan menjadi graduan Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana (*Dirasat Ulya*) dan Ijazah Doktor Falsafah dengan pangkat sangat cemerlang (*mumtaż*) dari Jabatan Ushuluddin dalam jurusan pengkhususan Tafsir dan Hadith, Universiti al-Azhar.⁹

Beliau ialah salah seorang tenaga pengajar di Fakultas Usuluddin, Universiti al-Azhar. Setelah berkhidmat beberapa tahun, beliau telah dilantik sebagai dekan dan pensyarah di Fakulti Usuluddin, Asyut iaitu cawangan fakulti pertama bagi Universiti al-Azhar di Mesir. Khidmat beliau dalam mengajar tidak terhenti hanya di negaranya, bahkan turut pernah berkhidmat di negara arab sekitarnya. Antaranya Saudi di Fakulti Syariah, Institusi Tinggi Saudi (*Ma'had al-'Aliy al-Saudiyah*), Fakulti Syariah di Universiti Raja Abdul Aziz, Makkah dan mengajar bidang Tafsir dan Hadith di Universiti Ummul Qura, Makkah. Beliau juga pernah dihantar ke Fakulti Syariah di Bagdad serta Universiti Umm Darman Islamiyyah di Sudan.¹⁰

Menambahkan lagi kesungguhan beliau dalam dakwah menyampaikan ilmu, pembacaan Sahih Bukhari dan al-Quran beliau telah disiarkan dalam radio dan video yang mendapat liputan meluas di Mesir sehingga ke Saudi, Iraq dan Sudan.¹¹ Beliau juga turut

⁸ Lihat: Nizar Abazoh dan Muhammad Riyadh al-Malih, *Itmām al-Ā'mlam* (*Dhil li Kitāb al-Ā'lām li Khairiddīn al-Zarkalī*) (Beirut: Dar Sadir, 1999), 266-267; Anonim, *Ulamā' wa Ā'lām* (*Katabu fi Majallat al-Wāfiyū al-Islāmiy al-Kuwaitīyyah*) (Kuwait: al-Wāfiyū Islami, 1426H), 195; Ahmad al-'Alawanah, *Dhil Ā'lām* (*Qāmus Tarājīm Aṣyhabu Rijāl wa Nisā' Arab al-Muṣṭa'rōbiñ wa al-Muṣṭaṣyriqīn*) (Jeddah: Dar Al-Manarah, 1998), 198; Mustafar Mohd Suki, *Biografi 99 Ulama Dunia* (*Tokoh Ilmuwan Islam Tersohor Zaman Kini*) (Selangor: Karya Bestari, 2016), 49; Anonim, "al-Ra'iṣiyah al-Syakhsiyah al-Ulama'" (al-Duktur Abu Syahbah)" dalam <http://alazharmemory.eg/sheikhs/characterdetails.aspx?id=232>, diakses pada 8 Maret 2016; ; Burhan Abidi, "al-Syeikh al-'Allamah al-Duktur Abu Sadat Muhammad Abu Syahbah Rahimahullah" dalam <http://www.islamsyria.com/portal/cvs/show/470>, diakses pada 8 Maret 2016; dan Abu Syahbah, *al-Isrā'iliyyāt wa Ma'dbū'āt fi Kutub al-Tafsīr* (Kaherah: Maktabah Sunnah Salafiah, 1971), 343.

⁹ Nizar Abazoh dan Muhammad Riyadh al-Malih, *Itmām al-Ā'mlam* (*Dhil Li Kitāb al-Ā'lām Li Khairiddīn al-Zarkalī*), 266-267; Anonim, *Ulamā' wa Ā'lām* (*Katabu fi Majallat al-Wāfiyū al-Islāmiy al-Kuwaitīyyah*), 195; Mustafar Mohd Suki, *Biografi 99 Ulama Dunia* (*Tokoh Ilmuwan Islam Tersohor Zaman Kini*), 49; Burhan Abidi, "al-Syeikh al-'Allamah al-Duktur Abu Sadat Muhammad Abu Syahbah Rahimahullah" dalam <http://www.islamsyria.com/portal/cvs/show/470>, diakses pada 8 Maret 2016.

¹⁰ Baca: Nuruddin Atar, *Manhaj al-Naqd fi 'Ulūm al-Hadīth* (Damsyik: Dar al-Fikr, 2003), 7; Nizar Abazoh dan Muhammad Riyadh al-Malih, *Itmām al-Ā'mlam* (*Dhil li Kitāb al-Ā'lām li Khairiddīn al-Zarkalī*), 266-267; Mustafar Mohd Suki, *Biografi 99 Ulama Dunia* (*Tokoh Ilmuwan Islam Tersohor Zaman Kini*), 49; Anonim, *Ulamā' wa Ā'lām* (*Katabu fi Majallat al-Wāfiyū al-Islāmiy al-Kuwaitīyyah*), 195; Ahmad al-'Alawanah, *Dhil Ā'lām* (*Qāmus Tarājīm Aṣyhabu Rijāl wa Nisā' Arab al-Muṣṭa'rōbiñ wa Muṣṭaṣyriqīn*) (Jeddah: Dar Al-Manarah, 1998), 198; Anonim, "al-Ra'iṣiyah al-Syakhsiyah al-Ulama'" (al-Duktur Abu Syahbah)" dalam <http://alazharmemory.eg/sheikhs/characterdetails.aspx?id=232>, diakses pada 8 Maret 2016; ; Burhan Abidi, "al-Syeikh al-'Allamah al-Duktur Abu Sadat Muhammad Abu Syahbah Rahimahullah" dalam <http://www.islamsyria.com/portal/cvs/show/470>, diakses pada 8 Maret 2016.

¹¹ Baca: Anonim, "al-Ra'iṣiyah al-Syakhsiyah al-Ulama'" (al-Duktur Abu Syahbah)" dalam <http://alazharmemory.eg/sheikhs/characterdetails.aspx?id=232>, diakses pada 8 Maret 2016; ; Burhan Abidi, "al-

aktif menyertai beberapa muktamar dan persidangan keagamaan dan keilmuan di Qatar. Sumbangan Sheikh Abu Syahbah dalam mengajar dan menyebarkan ilmu agama jelas dilihat apabila beliau memiliki ratusan orang pelajar dari Mesir dan negara arab sekitarnya seperti Makkah, Syria dan Libya. Di bawah bimbingan beliau, puluhan pelajar berhasil peroleh Ijazah Sarjana dan kedoktoran. Beliau meninggalkan ramai murid-murid yang hebat. Sebahagian darinya ada yang berjaya menjadi pensyarah di Universiti terkemuka, ada yang menjadi imam dan khatib, memegang jawatan penting dalam kementerian dan sebagainya.¹²

Selain mengajar, Sheikh Abu Syahbah juga merupakan seorang yang sangat mementingkan penulisan. Antara karya beliau yang terpenting ialah kitab *al-Madkhal li Dirásah al-Qur'an al-Karím, al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'át fī Kutub al-Tafsīr, al-Difá'an al-Sunnah wa Rad Syubbah al-Mustasyriqín wal Kitáb al-Mu'asirín, A'lám al-Muhaddisín, 'Ulám al-Hadíth, al-Ta'ríf bi Kutub al-Hadíth al-Sittah, al-Wásit fī 'Ulám al-Hadíth, al-Mukhtár min Sohíb Muslim, al-Wadh'u fī al-Hadíth Asbábuhu wa Amárátuhu, al-Sírah an-Nabawiyah fī Dhau' al-Qur'an wa al-Sunnah, al-Hudúd fī al-Islám wa Muqaranatuhu bil Qawánín al-Wadbíyyah, Nazroh al-Islam Ila al-Ribá: al-Musykilah wa Hálubhá, Taufiq al-Bári bi Syarb Sabíb al-Bukhári* yang merangkumi 15 jilid.¹³ Beliau turut menulis beberapa artikel dalam majalah yang telah dikeluarkan oleh *Majallát al-Wa'yu al-Islámiy al-Kuwaitíyyah* di bawah Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam.¹⁴

Sheikh Abu Syahbah telah mengabdikan kehidupan beliau untuk berkhidmat mempertahankan al-Quran dan al-Sunnah, membersihkan nama Rasulullah Saw, para sahabat, dan tabi'in daripada kebatilan yang menempel pada mereka. Usaha beliau ini dibahaskan di dalam beberapa karya beliau. Pengkaji memilih kitab *al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'át fī Kutub al-Tafsīr* sebagai kajian kerana kitab ini fokus pada perbincangan Israiliyyat berbanding kitab-kitab beliau yang lain.

Pengenalan Kitab

Menurut Sheikh Abu Syahbah, judul yang dicadangkan bagi karya ini ialah *al-Isrā'īliyyat wa al-Maudhū'át fī Kutub al-Tafsīr* yang bermaksud Israiliyyat dalam kitab-kitab tafsir. Namun, beliau berpendapat adalah lebih baik menggabungkannya dengan hadith-hadith palsu (*al-Maudhū'át*) kerana dalam kitab ini terdapat hadith-hadith palsu yang mendatangkan bahaya ke atas Islam dan Nabi Muhammad Saw. Maka terhasilah kitab *al-Isrā'īliyyat wa al-*

Syeikh al-'Allamah al-Duktur Abu Sadat Muhammad Abu Syahbah Rahimahullah" dalam <http://www.islamyria.com/portal/cvs/show/470>, diakses pada 8 Maret 2016.

¹² Baca: Mustafar Mohd Suki, *Biografi 99 Ulama Dunia (Tokoh Ilmuwan Islam Tersohor Zaman Kini)*, 49; Anonim, "al-Ra'isiyyah al-Syakhsiyah al-Ulama' (al-Duktur Abu Syahbah)" dalam <http://alazharmemory.eg/sheikhs/characterdetails.aspx?id=232>, diakses pada 8 Maret 2016; Burhan Abidi, "al-Syeikh al-'Allamah al-Duktur Abu Sadat Muhammad Abu Syahbah Rahimahullah" dalam <http://www.islamyria.com/portal/cvs/show/470>, diakses pada 8 Maret 2016.

¹³ Nizar Abazoh dan Muhammad Riyadh al-Malih, , *Itmám al-A'mlám (Dhil li Kitáb al-A'lám li Khairiddín al-Zarkali)*, 266-267; Burhan Abidi, "al-Syeikh al-'Allamah al-Duktur Abu Sadat Muhammad Abu Syahbah Rahimahullah" dalam <http://www.islamyria.com/portal/cvs/show/470>, diakses pada 8 Maret 2016; Ibrahim Sya'ban al-Mursyidi al-Azhari, *al-Muhaddithún fī Riháb al-Azbár al-Syaríf* (Kaherah: Maktabah Risalah al-Azhar, 2014), 142; Usamah Syed Mahmud al-Azhari, *al-Hadíth wa al-Muhaddithún fī al-Azbár al-Syaríf* (Kaherah: Maktabah Risalah al-Azhar, 2014), 15.

¹⁴ Anonim, *Ulama' wa A'lám (Katabu fī Majallát al-Wa'yu al-Islámiy al-Kuwaitíyyah)*, 193-194.

Maudhû’ât fi Kutub al-Tafsîr yang bermaksud kisah-kisah Israiliyyat dan hadith-hadith palsu dalam kitab-kitab tafsir.¹⁵

Tujuan kitab ini ditulis ialah karena dorongan dan desakan orang ramai menuntut beliau menulis berkaitan Israiliyyat ini antaranya Setiausaha Agung Majma’ Buhuth al-Islamiyyah dan Ahli Lembaga di Universiti al-Azhar iaitu Abdul Halim Mahmud dan penggantinya Sheikh Muhammad Abdur Rahman Baisar. Dorongan ini bertepatan dengan keinginan yang ada dalam diri beliau iaitu mengarang sebuah kitab yang khusus menjelaskan tentang Israiliyyat yang terdapat di dalam kitab-kitab tafsir serta menyatakan kepalsuan dan kebatilannya. Ini kerana beliau telah lama mengkaji dan memberi tumpuan dalam bidang ini. Menyiapkan karya ini yang dirasakan sebagai kewajiban yang utama ke atas ulama’ Muslimin.

Masa yang telah ditetapkan untuk menyiapkan kitab ini adalah tiga bulan akan tetapi Sheikh Abu Syahbah mensyaratkan penambahan masa iaitu selama enam bulan. Namun, walaupun setelah pertambahan masa, beliau gagal menyiapkan pada waktu yang dijanjikan berikutan kekangan waktu dengan pelbagai bebanan dan tanggungjawab pada faktor usia yang semakin lanjut.¹⁶ Berikutan, bukanlah sifat beliau tergesa-gesa dalam sesuatu perkara. Matlamat yang ingin dicapai ialah kajian yang dijalankan dilakukan secara teliti dan berhati-hati sehingga hatinya merasa tenang dan lapang dengan hasil kajian ditemui.¹⁷

Kitab *al-Isrâ’iliyyat wa al-Maudhû’ât fi Kutub al-Tafsîr* sebuah karya yang kaya dengan pelbagai sumber rujukan. Rujukan beliau lebih menjurus kepada pengambilan dari pandangan ulama’ dan huffaz hadith serta imam-imam pengkritik yang menjadi sandaran dalam menyatakan kesahihan dan kedhaifan hadith. Bahkan, beliau turut mengambil pandangan bukan dari kalangan ulama hadith, akan tetapi turut menolak Israiliyyat dan hadith-hadith palsu dari sudut pandangan akal dan kajian sains serta teori-teori ilmiah baru.¹⁸ Sebagai amanah ilmu, setiap rujukan dinyatakan sumber pengambilan kerana bukan dari sifat beliau mendapat nama dan kedudukan tinggi sesuatu yang bukan miliknya.²⁴

Kitab ini disusun tanpa pembahagian bab maupun fasal. Sungguhpun begitu, susunan antara tajuk dengan tajuk seterusnya mempunyai kesinambungan antara satu sama lain. Kitab ini dimulai dengan kata pengantar oleh penulis iaitu Sheikh Abu Syahbah diikuti dengan penerangan manhaj beliau secara ringkas. Sepertimana yang dinyatakan oleh Abu Syahbah kajian dasar yang panjang pada permulaan kitab bertujuan supaya pembaca dapat memahami asas sebelum menyelami perkara utama dan tujuan asal buku ini tanpa berlaku kecaburan.

Analisis Metodologi

Terdapat beberapa bentuk metode atau kaedah yang dipersembahkan oleh sheikh Abu Syahbah dalam kitab ini. Dalam pengkajian, tiga kaedah khusus yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji. Pertama: kaedah penghujahan, kedua: kaedah komentar, ketiga: kaedah penulisan.

¹⁵ Abu Syahbah *al-Isrâ’iliyyât wa Maudhû’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 8.

¹⁶ Abu Syahbah, *al-Isrâ’iliyyât wa Maudhû’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 7.

¹⁷ Abu Syahbah, *al-Isrâ’iliyyât wa Maudhû’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 324.

¹⁸ Abu Syahbah, *al-Isrâ’iliyyât wa Maudhû’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 11.

1. Kaedah Penghujahan

a. al-Quran dan Hadith

Penggunaan al-Quran dan hadith dijadikan sebagai pegangan dan asas penghujahan. Contohnya pada pembahagian kategori kisah-kisah Israiliyyat yang terbahagi kepada tiga pecahan iaitu sahih, dusta dan *maskut 'anhu*.¹⁹ Kisah-kisah Israiliyyat yang sahih bermaksud kisah-kisah yang didapati bertepatan dengan apa yang diwahyukan oleh Allah Swt. dalam al-Quran dan selari dengan hadith Nabi Saw. manakala, kisah-kisah dusta pula iaitu apa yang bertentangan dengan al-Quran dan hadith. Adapun, kisah yang didiamkan (*maskut 'anhu*) ialah kisah-kisah yang tidak dapat dipastikan sama ada benar atau dusta. Ketiga-tiga pembahagian ini dibahaskan dengan penghujahan al-Quran dan hadith. Bagi kisah-kisah Israiliyyat yang sahih, beliau berhujah harus meriwayatkannya dengan ayat al-Quran Surah al-Maidah ayat 48-49:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهِيمِنًا عَلَيْهِ فَاحْكُمْ بِيَنَّهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ لِكُلِّ جَعْلَنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لَيَسْلُوكُمْ فِي مَا آتَكُمْ فَاسْتِقْرُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيَنْبُئُكُمْ بِمَا كُتِّبَ فِيهِ تَحْتَلِفُونَ (48) وَإِنْ أَحْكُمْ بِيَنَّهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرُوهُمْ أَنْ يَفْتَنُوكُمْ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِنْ تَوْلُوا فَاعْلَمُ أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُصِيبَهُمْ بِبَعْضٍ ذُنُوبِهِمْ وَإِنْ كَثِيرًا مِنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ (49)

Ayat al-Quran di atas diiringi dengan hujah dari sabda Nabi s.a.w:

بلغوا عنِ ولو آيةً وحدثوا عنِ بني إسرائيل ولا حرج ومنْ كذب علىٰ متعمداً فليتبواً مقده من

النار

Penghujahan dari petikan ayat al-Quran dan Hadith di atas jelas menerangkan bahawa al-Quran dan Hadith sebagai sandaran utama untuk mengetahui kebenaran kisah-kisah Israiliyyat yang diriwayatkan dari kitab-kitab Bani Israel. Keterangan di dalam al-Quran dan Hadith yang selari dengan kisah-kisah Israiliyyat sudah cukup menjadikan riwayat Israiliyyat itu diterima. Hadith ini menunjukkan keharusan mengambil riwayat dari Bani Israel. Ibn Hajar menyatakan bahawa Nabi Saw. pernah melarang meriwayatkan kisah-kisah Israiliyyat namun, setelah hukum-hukum Islam telah sempurna dan jelas, dibenarkan meriwayat kisah-kisah Israiliyyat sebagai pengajaran dan iktibar.²⁰

¹⁹ Abu Syahbah, *al-Isrâ'îliyyât wa Maudhû'ât fi Kutub al-Tafsîr*, 103.

²⁰ Abu Syahbah *al-Isrâ'îliyyât wa Maudhû'ât fi Kutub al-Tafsîr*, 103.

Kaedah penghujahan al-Quran dan Hadith merupakan pegangan dan rujukan utama umat Islam dalam perbahasan Israiliyyat. Kaedah yang digunakan oleh Sheikh Abu Syahbah ini turut digunakan oleh penulis kitab lain dalam membahaskan pembahagian Israiliyyat. Antaranya Sheikh Husayn al-Dhahabi dalam *al-Isrâ’iliyyat fi al-Tafsîr wa al-Hadîth*²¹, *al-Isrâ’iliyyat wa Athâruhâ fi Kutub al-Tafsîr* karya Ramzi Na’na’ah²² dan *Ma’a Qasas al-Sâbiqîn fi al-Qurân* karya al-Khalidi.²³ Ketiga-tiga kitab ini membahaskan pembahagian Israiliyyat dengan panjang dan teliti. Iaitu dengan memasukkan kategori kisah-kisah dari segi akidah, hukum dan kata-kata nasihat. Manakala, pengkaji mendapati Sheikh Abu Syahbah membahaskan secara ringkas dan padat. Iaitu memadai menjelaskan pembahagian dari sudut kisah-kisah yang diterima, ditolak dan didiamkan syara’.

b. Ulama’ salaf

Sheikh Abu Syahbah telah menyatakan pada awal penulisan beliau bahawa manhaj yang digunakan dalam karya ini antaranya ialah pengambilan penghujahan dari pandangan ulama’ dan huffaz hadith serta imam-imam pengkritik yang menjadi sandaran dalam menyatakan kesahihan dan kedhaifan hadith.²⁴ Hasil kajian menunjukkan beliau bukan sekadar mengambil penghujahan dari pandangan ulama’ hadith bahkan turut menyertakan pandangan ulama’ dari pelbagai bidang antaranya *mufassir, mu’arrikh, mutakallimin* dan sebagainya.

Contohnya pada penerangan kisah-kisah Israiliyyat yang berkait dengan fenomena alam. Sheikh Abu Syahbah menukilkan pandangan Imam al-Ghazali, seorang ahli falsafah dan ahli sufi yang disegani. Beliau mengagumi pandangan yang di bawa oleh Imam al-Ghazali dalam menilai perselisihan pandangan berkaitan fenomena alam. Menurut Imam al-Ghazali dalam *Tahafut al-Falasifah*, ahli kejuruteraan dan ilmu hisab telah berusaha membuat pengkajian dan penyelidikan berkaitan bukti berlakunya fenomena alam seperti gerhana matahari dan bulan. Maka, bagi golongan yang menolak kajian ilmiah dan tetap dengan pendirian mempercayai kisah-kisah khurafat berkaitan fenomena alam akan membawa kemudaratan kepada Islam. Bahaya yang menimpa syara’ yang datang dari orang yang memperjuangkannya dengan jalan yang salah adalah lebih bahaya dari apa yang di bawa oleh musuh-musuh Islam.²⁵

Pandangan ulama’ mutaqaddimin sebenarnya menjadi rujukan bagi ulama dan sarjana muta’akhirin. Sepertimana Sheikh Abu Syahbah, para ulama’ dan sarjana Islam kontemporer lain turut mengambil dan menukilkan pandangan ulama’ terdahulu. Namun begitu, hasil pengkajian mendapati kitab-kitab yang membahaskan Israiliyyat kurang memberi ruang pada penghujahan pandangan akal yang dipelopori oleh ahli falsafah. Contohnya perbahasan berkaitan kisah kejadian alam yang dikaitkan dengan gunung Qaf dalam *al-Isrâ’iliyyat fi al-Tafsîr wa al-Hadîth* karya Sheikh

²¹ Husayn al-Dhahabi, *al-Isrâ’iliyyat fi al-Tafsîr wa al-Hadîth*, 35-40.

²² Ramzi Na’na’ah, *al-Isrâ’iliyyat wa Athâruhâ fi Kutub al-Tafsîr*, 76-85.

²³ Solah Abdul Fattah al-Khalidi. *Ma’a Qasas al-Sâbiqîn fi al-Qurân* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2007), 44-

²⁴ Abu Syahbah *al-Isrâ’iliyyât wa Maundhû’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 11.

²⁵ Abu Syahbah, *al-Isrâ’iliyyât wa Maundhû’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 279.

Husayn al-Dhahabi²⁶ dan *Israiliyat: Pengaruh Dalam Kitab Tafsir* oleh Mohd. Nazri Ahmad dan Muhd. Najib²⁷ hanya terbatas menukilkhan pandangan dari kalangan ahli hadith dan tafsir. Sedangkan, Sheikh Abu Syahbah dilihat lebih terbuka dan menerima pandangan selainnya yang turut sama menolak kisah-kisah khurafat Israiliyat berkaitan fenomena dan kejadian alam melalui pandangan akal dan teori.

c. Teori sains

Sheikh Abu Syahbah turut mengambil pandangan akal dan kajian sains serta teori-teori ilmiah baru.²⁸ Teori sains atau kajian ilmiah yang diketengahkan membantu menjadi hujah menolak keyakinan golongan yang mempercayai berlakunya fenomena alam seperti hujan, guruh, petir, kilat, gerhana matahari, gerhana bulan dan sebagainya hanya berdasarkan kisah-kisah khurafat Israiliyat.

Beliau menukilkhan pandangan Dr. Muhammad Ahmad al-Ghamrawi iaitu seorang ahli fizika Muslim, yaitu tentang teori guruh dan kilat. Kilat merupakan suatu kuasa elektrik yang kuat dengan pancarannya mampu melangkau sejauh tiga batu atau lebih. Ia terhasil dari geseran awan antara cas positif dan negatif. Kepanasan yang terbit dari kilat berjaya menggerakkan udara dan menghasilkan ruang udara yang nipis. Ruang udara tersebut dipenuhi udara yang panas. Tekanan udara pada ketika ini sama dengan tekanan udara di luarnya. Namun, apabila udara kembali sejuk, tekanan udara menjadi lemah. Perpisahan antara dua tekanan ini menghasilkan bunyi yang sangat kuat iaitulah guruh.²⁹ Teori ini telah menolak fahaman khurafat yang menyatakan bahawa kejadian guruh adalah disebabkan alat yang digunakan oleh malaikat di langit untuk mendekatkan awan. Dikatakan, apabila alat itu diangkat ia menghasilkan kilat dan jika malaikat memukulnya akan menghasilkan guruh.³⁰

Kaedah pengambilan teori dan kajian sains ini selari dengan perkembangan ilmu dan teknologi yang pesat zaman ini. Kajian alam semesta ini telah bermula sejak beberapa abad yang lalu oleh sarjana Islam dan barat. Banyak kajian ilmiah telah dibuat bagi mengkaji falsafah dan teori yang dibawa oleh sarjana terdahulu antaranya ialah *The Contribution of Ibn Sina (Avicenna) to the Development of Earth Sciences* oleh Munim M. Al-Rawi³¹, *Al-Farabi: Founder of Islamic Neoplatonism*³², *A New Theory of Light and Colours by Isaac Newton*³³, dan sebagainya. Sheikh Abu Syahbah berusaha menonjolkan dalam kitab ini bahawa umat Islam juga tidak ketinggalan dalam pengkajian makmal dengan mengangkat ahli fizika dari kalangan muslim yang arif pada zaman ini.

²⁶ Husayn al-Dhahabi, *al-Isrā'īliyyāt fi al-Tafsīr wa al-Hadīth*, 36.

²⁷ Mohd. Nazri Ahmad & Muhd. Najib Abdul Kadir, *Israiliyat: Pengaruh Dalam Kitab Tafsir* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2004), 73-75.

²⁸ Abu Syahbah, *al-Isrā'īliyyāt wa Ma'ndhū'āt fi Kutub al-Tafsīr*, 11.

²⁹ Abu Syahbah, *al-Isrā'īliyyāt wa Ma'ndhū'āt fi Kutub al-Tafsīr*, 290-291.

³⁰ Abu Syahbah, *al-Isrā'īliyyāt wa Ma'ndhū'āt fi Kutub al-Tafsīr*, 284.

³¹ Munim M. Al-Rawi, *The Contribution of Ibn Sina (Avicenna) to the Development of Earth Sciences* (United Kingdom: FSTC Limited, 2002).

³² Majid Fakhry, *Al-Farabi: Founder of Islamic Neoplatonism* (England: Oxford, 2002).

³³ Jonathan Bennet, "A New Theory of Light and Colours by Isaac Newton" dalam <http://www.earlymoderntexts.com/assets/pdfs/newton1671.pdf>, diakses pada 24 Februari 2017.

2. Kaedah Komentar

Pada beberapa penerangan dan perbahasan pula, beliau akan mengemukakan ijihad dan pandangan beliau sendiri serta mengkritik pandangan yang berbeza. Sebahagian pandangan yang diutarakan selari dengan ulama' salaf namun, ada kalanya ijihad yang dikemukakan tidak selari dengan ijihad ulama' salaf. Perselisihan pendapat antara imam mujtahid dengan pandangan beliau dikenangkan secara beradab dan ilmiah kerana beliau berpegang dengan kata-kata tiada yang maksum melainkan pada Allah Swt. dan Nabi Muhammad Saw. Sungguhpun beliau mengkritik para imam besar, beliau tetap mempertahankan kedudukan mereka sebagai ulama *mutaqaddimin* yang dimuliakan.³⁴ Berikut beberapa contoh:

a. Menyokong

Contohnya, pada perbincangan amaran bagi golongan atau individu yang meriwayatkan hadith palsu dan dusta. Sheikh Abu Syahbah selari dengan pandangan Imam Ibn Hajar al-Haytami pada isu khatib yang meriwayatkan hadith tanpa menyatakan takhrij dan status hadith ketika menyampaikan khutbah jumaat. Menurut Imam al-Haytami, para khatib yang tidak memberi penjelasan sesuatu hadith mestilah dengan syarat merupakan seorang ahli dalam bidang hadith. Jika sebaliknya, maka hukuman takzir yang keras patut dijatuhkan dan menghalang individu tersebut daripada menyampaikan khutbah.³⁵

Syeikh Abu Syahbah menyokong pendapat ini dengan memberi penambahan maklumat sesuai dengan apa yang berlaku di Mesir. Beliau mengisyaratkan kepada institusi al-Azhar yang berusaha menjaga keaslian ilmu Islam dengan mengijazahkan kebenaran mengajar hanya kepada individu yang benar-benar menjawai dan menguasai sesuatu bidang tersebut. Hal ini dapat mengelakkan berlakunya sebaran hadith-hadith palsu daripada khatib yang bukan ahli.³⁶

Menurut Dr Zulkifli bin Mohamad al-Bakri menyatakan bahawa, sistem pengijazahan yang dijalankan di Mesir, Kuwait dan Jordan turut diterapkan di Malaysia yang lebih dikenali dengan istilah tauliah.³⁷ Setiap penceramah agama disyaratkan memiliki tauliah bagi membezakan antara individu yang layak dan tidak layak dalam menyampaikan agama. Tauliah ialah bukti kebenaran untuk menyampaikan ceramah-ceramah agama. Ianya berfungsi sebagai menjaga dan memelihara agama daripada kekeliruan yang datang dari fahaman selain dari Ahli Sunnah wal Jama'ah.³⁸

b. Mengkritik

Sheikh Abu Syahbah berbeda pandangan dan mengkritik manhaj periwayatan Imam al-Suyuti dan Ibn Hajar pada perbahasan kisah Israiliyyat Harut

³⁴ Abu Syahbah, *al-Isrâ’iliyyât wa Ma’nâhu’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 324-328.

³⁵ Abu Syahbah, *al-Isrâ’iliyyât wa Ma’nâhu’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 19.

³⁶ Abu Syahbah, *al-Isrâ’iliyyât wa Ma’nâhu’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 19-20.

³⁷Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, “Irsyad al-Fatwa Ke-122: Keperluan Mendapatkan Tauliah Mengajar” dalam <http://www.mufitnp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-fatwa/1128-irsyad-al-fatwa-ke-122-keperluan-mendapatkan-tauliah-mengajar>, diakses pada 24 Februari 2017.

³⁸ Risalah MAIS NEWS, *Pemberian Tauliah Tertakluk Kepada Peraturan & Undang-Undang Yang Telah Ditetapkan* (Malaysia, 2011), 2.

dan Marut. Imam al-Suyuti dan Imam Ibn Hajar condong menyatakan kisah ini sahih. Sheikh Abu Syahbah menganggap Imam al-Suyuti dan Imam Ibn Hajar fanatik berpegang kepada kaedah semata-mata sehingga mengabaikan sudut pandang yang lain.³⁹

Sheikh Abu Syahbah menyokong pandangan yang menghukum kisah ini palsu. Antaranya Imam Abu al-Faraj al-Jauzi, Imam Ibn Kathir dan Qadhi ‘Iyadh. Penolakan ini disertai dengan bukti dari sudut *naqli* dan *‘aqli*. Dari sudut *naqli*, telah diketahui dari firman Allah Swt. dan sabda Rasulullah Saw. bahawasanya para malaikat itu maksum dan sentiasa taat perintah Allah Swt. Manakala dari sudut *‘aqli*, kisah ini bertentangan dengan kejadian penciptaan yang telah Allah Swt. tetapkan seperti planet dan bintang yang terdapat di angkasa.⁴⁰

Kaedah kritikan hadith yang digunakan oleh Sheikh Abu Syahbah telah sekian lama diperaktikkan dalam Islam. Menurut al-‘Azami, ketelitian terhadap sesuatu riwayat hadith yang diterima telah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. Iaitu para sahabat akan *tabayyun* sesuatu hadith yang diterima dengan merujuk semula pada Rasulullah Saw. untuk mengesahkannya.⁴¹ Manakala, ‘Ajjaj al-Khatib, menukilkan kata-kata Ibn Sirin yang menegaskan bahawa setelah kewafatan Rasulullah Saw. para sahabat lebih berhati-hati dan memberi tumpuan pada sanad terutamanya setelah berlaku peristiwa fitnah (pembunuhan Uthman bin Affan r.a).⁴²

c. Cadangan

Contohnya pada perbahasan ilmu-ilmu yang mesti dikuasai oleh seorang mufassir, Sheikh Abu Syahbah memberi cadangan beberapa ilmu selain daripada apa yang telah digariskan oleh ulama’ mutaqaddimin dan muta’akhirin. Terdapat lima belas bidang ilmu yang digariskan oleh Imam al-Suyuti yang perlu dikuasai oleh seorang mufassir, yaitu ilmu Bahasa Arab, morfologi (*nabw*), sintaksis (*sorj*), isytiqaq, ilmu balaghah yang meliputi *məani*, *bayan* dan *badi’*, ilmu Qira’at, Usul Fiqh, *Asbab al-Nuzul*, *Nasikh Mansukh*, ilmu fiqh dan ilmu *mauhibah*. Sheikh Abu Syahbah telah membuat beberapa penambahan iaitu seseorang mufassir itu perlu menguasai ilmu hadith, sirah nabawiyyah, ilmu sosial dan kemasyarakatan serta mengetahui berkaitan agama, ajaran dan fahaman lain.⁴³

Kajian mendapati, karya-karya perbahasan israiliyyat yang lain juga mengilhamkan dan mengutarakan cadangan dan penyelesaian sama ada banyak atau sedikit pada perbahasan ilmu-ilmu yang mesti dikuasai oleh seorang mufassir yang banyak dibahaskan dalam kitab-kitab ulum al-Quran. Antara ulama’ yang membincangkan perkara ini ialah Manna’ al-Qattan dalam *Mabāhith fi ‘Ulūm al-Qurān*⁴⁴, Fadhl Hassan Abbas dalam *Itqān al-Burhān fi ‘Ulūm al-Qurān*⁴⁵, al-Zarkasyi dalam *al-Burhān fi ‘Ulūm al-Qurān*⁴⁶ dan sebagainya.

³⁹ Abu Syahbah, *al-Isrā’īliyyāt wa Ma’ādhū’āt fī Kutub al-Tafsīr*, 160.

⁴⁰ Abu Syahbah, *al-Isrā’īliyyāt wa Ma’ādhū’āt fī Kutub al-Tafsīr*, 157-159.

⁴¹ Muhammad Mustafa al-‘Azami, *Manbaj al-Naqd Inda al-Muhaddithīn: Nashatuhu wa Tārikhuhu* (Riyadh: Maktabah al-Kauthar, 1975), 7.

⁴² Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn* (Beirut: Dar al-Fikr, 1980), 220.

⁴³ Abu Syahbah, *al-Isrā’īliyyāt wa Ma’ādhū’āt fī Kutub al-*, 32-37.

⁴⁴ Manna’ al-Qattan. t.th. *Mabāhith fi ‘Ulūm al-Qurān*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

3. Kaedah Penulisan

a. Penerangan dasar

Sheikh Abu Syahbah menegaskan bahawa beliau mendahului penulisannya dengan penerangan kajian dasar yang panjang supaya para pembaca dapat memahami perbincangan utama kitab ini.⁴⁷ Kajian dasar yang dititikberatkan oleh Sheikh Abu Syahbah menjurus kepada asas-asas pengenalan pada pengkajian tafsir dan hadith yang berkaitan perbahasan Israiliyyat.

Dasar ilmu hadith turut dikenalpasti berikutnya seiring dengan memahami dasar tafsir. Contohnya, beliau memaparkan ketelitian para muhaddith dalam menjaga riwayat-riwayat hadith dengan mengkaji dan mengkritik *turuk* dan sanad-sanad yang diriwayatkan dalam kitab-kitab tafsir. Antaranya, riwayat dari Ibn Abbas, Ubay bin Ka’ab, Ibn Mas’ud, Ali bin Abi Talib dan Abdullah bin Amru bin al-As. Beliau menyatakan secara terperinci *turuk* yang dihukum masyhur, thiqah, dekat kepada sahih, diterima, dipertikaikan, ganjil, tidak diterima, lemah, sangat lemah, ditolak, rekaan dan sebagainya. Penerangan dasar yang panjang dan teliti turut didapati dalam kitab *al-Isrâ’iliyyat wa Athârûbâ fi Kutub al-Tafsîr* karya Ramzi Na’na’ah.⁴⁸ Namun begitu, skop penerangan Ramzi Na’na’ah berbeza dengan penerangan dasar dalam kitab Sheikh Abu Syahbah. Sheikh Abu Syahbah lebih menekankan kajian dasar yang meliputi aspek asas-asas ulum al-quran dan ulum al-hadith. Manakala, Ramzi Na’na’ah lebih menekankan aspek sejarah dan hubungan antara al-Quran dengan kitab-kitab *samawi* terdahulu. Penjelasan beliau meliputi penerangan Taurat dan Injil dari sudut pengertian, kandungan, pengarang, sumber dan penyelewengan serta sejarah kemasukan Israiliyyat dalam *thaqafah* Islam pada peringkat zaman *riwayat* dan *tadwin*.

b. Penyusunan tajuk

Kaedah penulisan yang digunakan oleh sheikh Abu Syahbah sesuai dengan sasaran pembaca beliau iaitu untuk dimanfaatkan pada golongan penuntut ilmu. Susunan tajuk dimulai dengan penerangan dasar kemudian diikuti fokus utama perbahasan kitab.⁴⁹

Hasil kajian mendapati, topik-topik di dalam kitab ini disusun tanpa pembahagian bab atau fasal. Rantai topik yang dibahaskan terkait dengan perbahasan sebelumnya. Ini bermaksud rentetan topik yang dibahaskan berkait antara satu dengan yang lain. Dengan itu, pembaca harus memulakan bacaan dari awal kitab untuk memahami kitab ini sepertimana yang disarankan oleh penulis. Sheikh Abu Syahbah didapati berbeda dari sudut pembahagian penyusunan isi kandungan kitab dengan penulisan karya-karya israeliyyat yang lain.

Penyusunan tajuk dalam karya-karya lain kebiasaannya mempunyai bab dan fasal yang mengasingkan antara topik yang dibincangkan. Antaranya, karya Sheikh

⁴⁵ Fadhl Hassan ‘Abbas, *Itqân al-Burbâñ fi ‘Ulûm al-Qurân* (Jordan: Dar al-Furqan, 1997).

⁴⁶ Badruddin Muhammad bin Abdullah al-Zarkasyi, *al-Burbâñ fi ‘Ulûm al-Qurân*, terj. Muhammad Abu Fadhl Ibrahim, cet. 3 (Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, 1984).

⁴⁷ Abu Syahbah, *al-Isrâ’iliyyât wa Maundhû’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 11.

⁴⁸ Ramzi Na’na’ah, *Al-Isra’iliyyat Wa Athârûbâ Fi Kutub al-Tafsîr*, 31-213.

⁴⁹ Abu Syahbah, *al-Isrâ’iliyyât wa Maundhû’ât fi Kutub al-Tafsîr*, 10.

Husayn al-Dhahabi telah membahagikan kitab kepada tiga bahagian utama yang dimulai dengan mukadimah, kemudiannya diikuti fasal pertama, kedua, ketiga dan seterusnya diakhiri dengan penutup.⁵⁰ Manakala, Ramzi Na'na'ah⁵¹, Rozali Adam⁵², dan Mohd Nazri Ahmad & Najib Abdul Kadir⁵³ juga membahagikan fasal dan bab tajuk yang dimulai dengan pendahuluan dan diakhiri penutup sepetimana karya sheikh Husayn al-Dhahabi. Perbezaannya adalah dari segi tajuk-tajuk yang dibahaskan mengikut skop kajian penulis.

c. Fokus perbincangan

Tumpuan utama kitab ini ialah membincangkan sebilangan besar kisah-kisah Israiliyyat dan maudu'at yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir. Pemilihan kisah-kisah Israiliyat adalah berdasarkan kisah yang paling jelas kebatilan dan bercanggah akidah yang sahih. Sheikh Abu Syahbah mengetengahkan kisah-kisah Israiliyyat beserta kritikan terhadap sanad dan matan. Beliau juga menyertakan tafsir sahih bagi beberapa kisah. Antaranya ialah kisah berkaitan Adam As. yang ditafsirkan dari ayat di bawah:

٣٧ فَتَلَقَّىٰ أَعَدُّ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ الْتَّوَابُ الْرَّحِيمُ

Menurut Sheikh Abu Syahbah⁵⁴, dalam *Dur al-Manthur*, al-Suyuti telah menyertakan banyak riwayat-riwayat yang disandarkan pada penafsiran ayat di atas. Namun, beliau mencampur-adukkan antara riwayat yang benar dan sanad yang lemah dan sebahagian matan riwayat tersebut dapat diketahui hanyalah rekaan musuh Islam. Riwayat-riwayat tersebut menyatakan pelbagai versi ucapan atau doa yang dibaca oleh Nabi Adam As. untuk memohon keampunan dan penyesalan beliau kepada Allah Swt. setelah diturunkan ke bumi. Setelah diteliti dan dikaji pembuktian dalil naqli dan pandangan ulama', penafsiran sebenar bagi doa yang dibaca oleh Adam As. yang diriwayatkan dari banyak riwayat iaitu firman Allah Swt:

٢٣ قَالَ رَبُّنَا ظَلَّمَنَا أَنفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَكَرِّمَنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Fokus perbincangan yang dibahaskan oleh sheikh Abu Syahbah mempunyai keistimewaan dan kekuatannya tersendiri. Pertama, beliau menyenaraikan sebahagian besar kisah-kisah israiliyyat satu persatu dengan pembahagian mengikut kategori masing-masing sama ada kisah umat terdahulu, kisah para nabi atau kisah berkaitan fenomena alam. Kemudian, beliau menukilkhan banyak riwayat dari kitab-kitab tafsir masyhur yang dikaitkan dengan kisah-kisah israiliyyat tersebut termasuklah riwayat yang *dā'i* dan *mawdu'*. Seterusnya, beliau akan melakukan penelitian dan kajian dengan mengkritik dari sudut sanad dan matan sesuatu riwayat untuk mengenalpasti kesahihan kisah tersebut. Akhir perbahasan, beliau akan menenangkan hati pembaca dengan menyertakan penafsiran yang sahih dari kisah yang dibincangkan.

⁵⁰ Husayn al-Dhahabi, *al-Isra'iyyat Fi al-Tafsir Wa al-Hadith*, 6-7.

⁵¹ Ramzi Na'na'ah, *Al-Isra'iyyat Wa Atharuba Fi Kutub al-Tafsir*.

⁵² Rozali Adam, *Al-Quran di antara Tafsir dan Israiliyat* (Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985).

⁵³ Mohd. Nazri Ahmad & Muhd. Najib Abdul Kadir, *Israiliyyat: Pengaruh Dalam Kitab Tafsir* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2004).

⁵⁴ Abu Syahbah, *al-Isrā'iyyāt wa Ma'ndhbū'at fi Kutub al-Tafsīr*.

Kaedah yang digunakan berbeza dengan kitab-kitab *qasas* al-Quran selainnya yang hanya mengetengahkan kisah para nabi dan umat terdahulu dari riwayat-riwayat yang sahih untuk diambil pengajaran dan nilai-nilai murni. Kisah-kisah al-Quran ini sebahagian besarnya dikaitkan dengan Israiliyyat. Seperti kitab *Mā'a Qasas al-Sābiqīn fi al-Qurān* karya al-Khalidi⁵⁵, kitab *Qasas al-Qurān* karya Ibn Kathir⁵⁶, kitab *Ma'a al-Anbiyā' fi al-Qurān* karya Fattah Tabbarah⁵⁷ dan sebagainya. Manakala, kitab perbahasan Israiliyyat yang lain seperti *al-Isrā'iliyyat fi al-Tafsīr wa al-Hadīth* karya Husayn al-Dhahabi⁵⁸ dan *al-Isrā'iliyyat Wa Atharuba Fi Kutub al-Tafsīr* karya Ramzi Na'na'ah⁵⁹ lebih tertumpu pada kritikan manhaj penulisan kitab-kitab tafsir berbanding kisah-kisah israiliyyat. Dengan itu, manhaj yang digunakan oleh sheikh Abu Syahbah ternyata berbeza dengan penulisan lainnya walaupun di bawah skop yang sama iaitu kisah-kisah israiliyyat yang dikaitkan dengan al-Quran.

Penutup

Dalam usaha membersihkan kitab-kitab tafsir daripada kisah-kisah israiliyyat, kitab *al-Isrā'iliyyat wa al-Maudhū'at fi Kutub al-Tafsīr* karya Sheikh Abu Syahbah ini boleh diketengahkan sebagai sebuah contoh penulisan yang berjaya. Kitab ini telah memberi banyak manfaat kepada umat Islam seluruh dunia. Sheikh Abu Syahbah telah menginfakkan kehidupannya dari muda lagi untuk berkhidmat disamping al-Quran dan al-Sunnah. Selari dengan pengakuan tersebut, beliau memiliki keluasan ilmu dalam pengkajian al-Quran dan al-Sunnah. Ketinggian ilmu yang dimiliki oleh Sheikh Abu Syahbah telah menghasilkan sebuah kerangka metodologi yang baik dan bernilai serta isi kandungan yang bermanfaat pada ummah. Dengan itu, usaha untuk penambahbaikan kitab ini amat diharapkan seperti mencetak semula dengan penyelarasan bab dan fasal. Kemudian, pada bahagian *fibris*, ada baiknya jika disertakan *fibris* dari sudut al-Quran, Hadith dan *da'lam*. Seterusnya, meningkatkan usaha penterjemahan pada versi lain seperti bahasa Inggeris dan sebagainya. Pengkaji berharap kajian ini memberi manfaat kepada pengkaji lainnya dan amat menyarankan kitab ini dapat dijadikan rujukan oleh para *da'ie* dalam menyampaikan dakwah Islam.

DAFTAR PUSTAKA

‘Abbas, Fadhl Hassan. *Itqan al-Burhan Fi ‘Ulum al-Quran*. Jordan: Dar al-Furqan, 1997.

Abazoh, Nizar dan Muhammad Riyadh al-Malih.. *Itmam al-A’mlam (Dhil Li Kitab al-A’lam Li Khairiddin al-Zarkali)*. Dar Sadir: Beirut, 1999.

⁵⁵ Solah Abdul Fattah al-Khalidi. *Mā'a Qasas al-Sābiqīn fi al-Qurān* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2007).

⁵⁶ al-Imam al-Hafiz Ismail bin Kathir Ibn Kathir, *Qasas al-Qurān* (Kaherah: Maktabah al-Safa, 1981).

⁵⁷ Afif Abdul Fattah Tabbarah, *Ma'a al-Anbiyā' fi al-Qurān: Qasas wa Durus wa 'Ibrah Hayātihim* (Beirut: Dar al-Ilm lil Malayin, 1982).

⁵⁸ Husayn al-Dhahabi, *al-Isrā'iliyyat Fi al-Tafsīr Wa al-Hadīth* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1968).

⁵⁹ Ramzi Na'na'ah, *Al-Isrā'iliyyat Wa Atharuba Fi Kutub al-Tafsīr* (Beirut: Dar Baida', 1970).

Abidi, Burhan. *al-Syeikh al-'Allamah al-Duktur Abu Sadat Muhammad Abu Syabbah Rabimahullah*. 2013. dari <http://www.islamsyria.com/portal/cvs/show/470> diakses tanggal 8 Maret 2016.

Abu Syabbah. *al-Isrā'īliyyat wa Ma'nbū'at fi Kutub al-Tafsīr*. Kaherah: Maktabah Sunnah Salafiah, 1971.

Adam, Rozali. *Al-Quran di antara Tafsir dan Israiliyat*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.

Ahmad, Mohd. Nazri & Muhd. Najib Abdul Kadir. *Israiliyat: Pengaruh Dalam Kitab Tafsir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2004.

al-'Alawanah, Ahmad. *Dhil A'lām (Qamus Tarajim Ayharu Rijal Wa Nisa' Arab al-Musta'robin Wa Mustasyriqin)*. Jeddah: Dar Al-Manarah, 1998.

Anonim. *Ulama' wa A'lām (Katabu fi Majallat al-Wā'yu al-Islāmiy al-Kuwaitiyah)*. Kuwait: al-Wā'yu Islami, 1426H.

Anonim. *al-Ra'iṣiyah al-Syakhsiyah al-Ulama'* (*al-Duktur Abu Syabbah*)
<http://alazharmemory.eg/sheikhs/characterdetails.aspx?id=232> diakses tanggal 8 Maret 2016.

Atar, Nuruddin. *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadīth*. Damsyik: Dar al-Fikr, 2003.

al-'Azami. Muhammad Mustafa. *Manhaj al-Naqd 'Inda al-Muhaddithīn: Nashatubu wa Tarīkhubu*. Riyadh: Maktabah al-Kauthar, 1975.

al-Azhari, Ibrahim Sya'ban al-Mursyidi. *al-Muhaddithun Fi Ribab al-Azhar al-Syarif*. Kaherah: Maktabah Risalah al-Azhar, 2014.

Bennet, Jonathan. *A New Theory of Light and Colours by Isaac Newton*. 2010. dari <http://www.earlymoderntexts.com/assets/pdfs/newton1671.pdf> diakses tanggal 24 Februari 2017.

al-Dhahabi, Husayn. *al-Isrā'īliyyat fi al-Tafsīr wa al-Hadīth*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1968.

Fakhry, Majid. *Al-Farabi: Founder of Islamic Neoplatonism*. England: Oxford, 2002.

Ibn Kathir, al-Imam al-Hafiz Ismail. *Qasas al-Qurān*. Kaherah: Maktabah al-Safa, 1981.

Ibn Khaldun. *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Pent: Abdullah Muhammad Darwish. Jil: 2. Damsyik: Dar Yu'rab, 2004.

Ibn Taimiyyah. *Syarh Muqaddimah fī Usūl al-Tafsīr li Ibn Taimiyyah*. Pent: Musa'ad bin Sulaiman bin Nasir al-Tayyar. Cet: 2. Riyadh: Dar Ibn Jauzi, 1438H.

al-Khalidi, Solah Abdul Fattah. *Mā'a Qasas al-Sâbiqîn fī al-Qurān*. Damsyik: Dar al-Qalam, 2007.

'al-Khatib, Muhammad Ajaj. *al-Sunnah Qabla al-Tadrîs*. Beirut: Dar al-Fikr, 1980.

Nā'nah, Ramzi. *al-Isrâ'iliyyat wa Athârûbâ fī Kutub al-Tafsîr*. Beirut: Dar Baida', 1970.

al-Qattan, Manna'. *Mabâbîth fī 'Ulûm al-Qurâن*. Kaherah: Maktabah Wahbah, t.th.

Al-Rawi, Munim M. *The Contribution of Ibn Sina (Avicenna) to the Development of Earth Sciences*. United Kingdom: FSTC Limited, 2002.

Risalah MAIS NEWS. *Pemberian Tauliah Tertakluk Kepada Peraturan & Undang-Undang Yang Telah Ditetapkan*. hlm 2. [24 Februari 2017]. 2011.

Suki, Mustafar Mohd. *Biografi 99 Ulama Dunia (Tokoh Ilmuan Islam Tersohor Zaman Kini)*. Karya Bestari, 2016.

al-Suyuti. Jalaluddin Abdul Rahman bin Abu Bakr. *al-Itqân fī 'Ulûm al-Qurâن*. Pent: Markaz Dirasat al-Qur'aniyyah. Saudi: Wizarah Islamiyyah Wa Auqaf, t.th.

Tabbarah, Afif Abdul Fattah. *Mā'a al-Anbiya' Fil Quran: Qasas wa Durus wa 'Irah Hayatibim*. Beirut: Dar al-Ilm Lil Malayin, 1982.

al-Zarkasyi, Badruddin Muhammad bin Abdullah. *al-Burhân fī 'Ulûm al-Qurâن*. Pent: Muhammad Abu Fadhl Ibrahim. Cet 3. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, 1984.

Zulkifli bin Mohamad al-Bakri. 2016. *Irsyad al-Fatwa Ke-122: Keperluan Mendapatkan Tauliah Mengajar*. <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-fatwa/1128-irsyad-al-fatwa-ke-122-keperluan-mendapatkan-tauliah-mengajar>. diakses tanggal 24 Februari 2017.

